


KEMENTERIAN KERJA RAYA

Maksud Bekalan/Pembangunan 27



Mengurus RM	Pembangunan RM		Jumlah RM
	Cara Langsung	Pinjaman	
1,048,874,800	5,096,842,800	1,019,000,000	7,164,717,600

VISI

Peneraju pembangunan infrastruktur dan industri pembinaan negara yang terunggul menjelang 2020.

MISI

- (i) Memastikan pembangunan infrastruktur dirancang, dilaksana dan diselenggara dengan cekap dan berkualiti tinggi;
- (ii) Membangun, mengembang dan memantapkan industri pembinaan negara dan perkhidmatan profesional yang berdaya saing di pasaran global; dan
- (iii) Memastikan pembangunan kapasiti dan keupayaan kontraktor, profesional dan tenaga kerja sektor pembinaan dilaksanakan selaras dengan dasar negara.

PELANGGAN

- (i) Agensi pusat;
- (ii) Kementerian-kementerian yang memerlukan khidmat kepakaran teknikal; dan
- (iii) Orang awam.

KERANGKA KEBERHASILAN KEMENTERIAN

PRESTASI OUTCOME KEMENTERIAN

Outcome 1 : Pembangunan infrastruktur yang berkesan

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Tahap Indeks Pembangunan Jalan Raya/ <i>Road Development Index (RDI)</i>	2.30	2.60	2.34

Outcome 2 : Penyelenggaraan aset tak alih yang berkesan

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Peratusan Tahap Kepuasan Pelanggan Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (%)	-	-	75.00

Outcome 3 : Industri pembinaan negara yang mantap dan berdaya saing

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Nilai kontrak pembinaan dalam negara (RM bilion)	150	140	140

PROGRAM 1 : PENGURUSAN KEMENTERIAN KERJA RAYA

PRESTASI OUTCOME PROGRAM

Outcome : Pengurusan organisasi yang berkesan

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Peratusan skor audit nilai (%)	77.08	79.00	79.00
Peratusan skor kepuasan pelanggan (%)	91.00	65.00	65.00

Aktiviti 1 : Sektor Pengurusan dan Pentadbiran KKR

Fungsi : (a) Memastikan pengauditan yang berkesan terhadap sistem pengurusan kewangan, kemudahan dalaman dan rekod kewangan untuk menentukan sama ada diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan; (b) memastikan khidmat nasihat perundangan kepada kementerian dan agensi-agensinya selaras dengan peruntukan Perlembagaan dan undang-undang negara; dan (c) memastikan pengurusan pentadbiran, kewangan, perkhidmatan dan hal ehwal korporat Kementerian Kerja Raya dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan bertanggungjawab.

Aktiviti 2 : Sektor Dasar dan Pengurusan Korporat

Fungsi : (a) Menggubal dasar dan polisi pengurusan aset, pengurusan projek serta perkhidmatan kejuruteraan yang cekap dan berkesan dalam pembangunan infrastruktur negara dengan memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan; (b) memberi khidmat sokongan kepada warga Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi memastikan dasar pengurusan pelaksanaan projek, perkhidmatan teknikal dan penyelenggaraan infrastruktur Kerajaan yang cekap dapat dijalankan agar objektif jabatan yang ditetapkan tercapai; dan (c) merancang, melaksana, menyelia dan memantau pengagihan sumber manusia dibuat secara efektif, efisien dan kompeten untuk membantu pelaksanaan projek-projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam Persekutuan di seluruh negara, penyenggaraannya serta memastikan khidmat nasihat teknikal dalam bidang pembinaan disediakan bagi memenuhi kepuasan pelanggan dari segi kualiti, masa dan kos yang ditetapkan.

Aktiviti 3 : Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE)

Fungsi : Melaksanakan pengurusan latihan dan pembangunan kompetensi pegawai dan kakitangan JKR melalui Dasar Latihan dan Pembangunan Kompetensi untuk: (a) melahirkan tenaga kerja yang mahir, pakar dan kompeten dalam merekabentuk, pengurusan projek, pengurusan aset/fasiliti dan khidmat teknikal; (b) menyediakan hala tuju dan memberi ruang serta peluang kepada pegawai dalam membangunkan kerjaya di JKR berkonsepkan pembelajaran berterusan; dan (c) menjadikan JKR menyumbang kepada ekonomi negara melalui pembudayaan penyelidikan dan inovasi.

Aktiviti 4 : Cawangan Perancangan Aset Bersepadu

Fungsi : (a) Memberi perkhidmatan perundingan/khidmat nasihat kepakaran dalam bidang pengurusan program/projek kepada jabatan dan agensi kerajaan berasaskan profesionalisme dan berintegriti; (b) memastikan pengurus projek JKR adalah kompeten dan bertauliah berasaskan Piawaian Kompetensi Pengurusan Projek JKR; dan (c) memastikan amalan terbaik diaplikasikan dalam pelaksanaan projek dan pengurusan fasiliti negara.

PROGRAM 2 : PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR JALAN DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN

PRESTASI OUTCOME PROGRAM

Outcome 1 : Peningkatan aksesibiliti dan mobiliti jalan

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Kadar kepadatan jalan (jumlah panjang jalan dalam setiap 1km persegi)	0.72	0.82	0.83
Jumlah panjang Jalan Persekutuan yang siap dinaiktaraf berbanding keseluruhan jumlah panjang jalan sedia ada (%)	-	-	32.00

Outcome 2 : Industri pembinaan yang mampan

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Peratusan kontraktor yang mendapat 3 bintang ke atas dalam Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor (%)	100.00	100.00	100.00

Aktiviti 1 : Sektor Dasar dan Pembangunan

Fungsi : (a) Memastikan perancangan dan pembangunan negara yang efektif dalam meningkatkan pertumbuhan sosioekonomi negara; dan (b) melaksanakan kerja-kerja pemantauan ke atas Program Penswastaaan Penyelenggaraan di bawah seliaan memenuhi spesifikasi yang telah dipersetujui serta mencapai tahap kepuasan pelanggan.

Aktiviti 2 : Cawangan Jalan

Fungsi : Merancang, melaksana, menyelia dan memantau perancangan serta pembinaan jalan dan jambatan supaya mematuhi spesifikasi piawaian, bermutu tinggi dan dengan kos yang ekonomik demi keselamatan dan keselesaan pengguna-pengguna jalan raya.

Aktiviti 3 : Cawangan Kejuruteraan Geoteknik

Fungsi : (a) Memastikan tanggungjawab merekabentuk jalan mematuhi spesifikasi piawaian, bermutu tinggi dan kos yang ekonomik; dan (b) memastikan khidmat kepakaran teknikal dalam kejuruteraan geoteknik dapat dimanfaatkan, menjurus kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

PROGRAM 3 : PEMBINAAN INFRASTRUKTUR BANGUNAN

PRESTASI OUTCOME PROGRAM

Outcome : Pengurusan projek infrastruktur bangunan yang berkesan

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Peratusan penyerahan projek mengikut tempoh masa yang dipersetujui (%)	55.00	90.00	82.00
Peratusan projek yang kos akhir tidak melebihi kos asal yang diluluskan (%)	74.00	90.00	85.00
Peratusan kepuasan pelanggan terhadap pelaksanaan projek (%)	93.00	91.00	90.00

Aktiviti 1 : Cawangan Arkitek

Fungsi : (a) Memastikan pelaksanaan projek pembangunan yang efisien dari segi kos, jangka masa dan spesifikasi bagi menghasilkan produk berkualiti yang memenuhi keperluan pelanggan; dan (b) memastikan keseragaman

perkhidmatan kepakaran seni bina dalam pelaksanaan projek bagi menghasilkan produk berkualiti yang menepati kepuasan pelanggan.

Aktiviti 2 : Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur

Fungsi : Memberi perkhidmatan kejuruteraan pakar iaitu reka bentuk, forensik, perunding teknikal dan penambahbaikan berterusan melalui kajian semula dan inovasi dalam bidang kejuruteraan awam, struktur dan jambatan kepada cawangan-cawangan JKR dan agensi Kerajaan yang lain dengan mengikut piawaian masa, kos dan kualiti yang dipersetujui dengan penghasilan produk yang mampan.

Aktiviti 3 : Cawangan Kejuruteraan Elektrik

Fungsi : (a) Memastikan pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur untuk agensi Kerajaan dalam bidang kejuruteraan elektrik supaya menepati kualiti, masa dan kos yang ditetapkan; (b) memastikan pengurusan fasiliti aset kejuruteraan elektrik di premis Kerajaan menepati amalan terbaik supaya sentiasa berfungsi dengan baik, selamat dan kos efektif; dan (c) memastikan perkhidmatan perundingan pakar dalam bidang kejuruteraan elektrik kepada agensi Kerajaan berasaskan profesionalisme dan berintegriti.

Aktiviti 4 : Cawangan Kejuruteraan Mekanikal

Fungsi : (a) Memastikan perkhidmatan kejuruteraan mekanikal yang diberikan dapat dilaksanakan dengan menepati piawai, jadual dan kos yang ditetapkan dengan mengutamakan kualiti, selamat digunakan serta mempunyai tahap kebolehsediaan dan kebolehpercayaan yang tinggi serta kitar hayat yang ekonomik; (b) memberikan perkhidmatan perundingan dan kepakaran kejuruteraan mekanikal yang profesional kepada agensi Kerajaan; dan (c) menyediakan perkhidmatan pengurusan aset alih seperti kenderaan dan jentera, serta perkhidmatan pengangkutan kepada agensi Kerajaan.

Aktiviti 5 : Cawangan Kerja Kesihatan

Fungsi : Memastikan semua projek pembangunan kesihatan dan perubatan dilaksanakan dan diserahkan mengikut keperluan (skop, kos, jadual, kualiti) yang ditetapkan bagi memenuhi dan menepati kepuasan pelanggan.

Aktiviti 6 : Cawangan Kerja Keselamatan

Fungsi : Memastikan pembinaan dan pengurusan pelaksanaan projek-projek keselamatan dilaksanakan dan memberikan khidmat nasihat teknikal yang menepati spesifikasi, jadual, masa dan kos yang dipersetujui mengikut keperluan pelanggan.

Aktiviti 7 : Cawangan Kerja Bangunan Am 1

Fungsi : (a) Memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan pelbagai kementerian/jabatan dijalankan mengikut jadual pelaksanaan yang ditetapkan

serta memberi penekanan kepada kos yang efektif, reka bentuk yang menarik dan kualiti yang terbaik hingga tercapai kepuasan pelanggan dari aspek keselamatan, kefungisian, keceriaan dan keselesaan; (b) penyerahan projek siap yang memenuhi spesifikasi, kos dan tempoh masa yang ditetapkan kepada jabatan pelanggan; dan (c) memberi khidmat kepakaran teknikal kepada agensi-agensi kerajaan dan badan berkanun dalam pelaksanaan projek pembangunan.

Aktiviti 8 : Cawangan Kerja Bangunan Am 2

Fungsi : (a) Memastikan perancangan, penyelarasan, pelaksanaan, pemantauan projek-projek pembangunan dengan mengoptimumkan kos, masa dan sumber serta mencapai kepuasan pelanggan dari aspek keselamatan dan keselesaan bangunan; (b) memberi khidmat nasihat kepakaran teknikal kepada kementerian/jabatan dalam pelaksanaan projek pembangunan; dan (c) mengurus dan mentadbir kontrak dari peringkat '*inception*' hingga penyerahan projek.

Aktiviti 9 : Cawangan Kerja Pendidikan

Fungsi : (a) Memastikan semua projek pembangunan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dilaksanakan mengikut spesifikasi, jadual dan kos yang ditetapkan; (b) memastikan semua kerja penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan awam bagi Kementerian Pendidikan dilaksanakan mengikut spesifikasi, jadual dan kos yang ditetapkan; dan (c) memberi khidmat perundingan teknikal kepada Kementerian Pendidikan mengikut etika dan amalan profesional.

Aktiviti 10 : Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan

Fungsi : (a) Menyediakan kemudahan infrastruktur pangkalan udara dan maritim dengan mematuhi kod amalan teknikal, masa, kos dan kualiti untuk memenuhi keperluan kementerian-kementerian, jabatan, badan berkanun dan mana-mana agensi lain; dan (b) mengendalikan kerja ukur tanah dan hidrografi untuk penyediaan pelan ukur bagi semua projek yang dijalankan oleh JKR.

Aktiviti 11 : JKR Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)

Fungsi : Memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam menepati kehendak pelanggan, mengikut jadual pelaksanaan, kos yang dipersetujui dan menghasilkan produk yang berkualiti menjurus kepada aduan sifar dari pelanggan serta ke arah pertumbuhan pembangunan negara.

Aktiviti 12 : Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan

Fungsi : Memastikan perkhidmatan kepakaran ukur bahan sentiasa efektif dalam melicinkan pengurusan tender dan pentadbiran kontrak selaras dengan Dasar Perolehan Kerajaan.

Aktiviti 13 : Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga

Fungsi : (a) Memastikan semua projek di bawah kawalan JKR dilaksana dengan menekankan pemeliharaan kualiti alam sekitar secara lestari; (b) mengoptimumkan penggunaan tenaga bagi projek JKR secara menyeluruh dalam reka bentuk pasif dan aktif serta berusaha untuk mengurangkan *Carbon Footprint*; dan (c) menjimatkan perbelanjaan operasi dan penyelenggaraan serta melaksanakan program kesedaran dalam sesebuah bangunan.

PROGRAM 4: PENYENGGARAAN ASET TAK ALIH KERAJAAN

PRESTASI OUTCOME PROGRAM

Outcome : Pengurusan penyenggaraan aset tak alih kerajaan yang berkesan

Petunjuk Prestasi Utama	2017 (Sebenar)	2018 (Sasaran)	2019 (Sasaran)
Markah Indeks Prestasi Penyelenggaraan Jalan Persekutuan (Indeks 1-5)	3.5	3.5	3.5
Markah Indeks kepuasan pelanggan Bangunan Gunasama Kerajaan Persekutuan (Indeks 1-5)	4.7	4.5	4.5

Aktiviti 1 : Cawangan Senggara Fasiliti Jalan

Fungsi : Memastikan pelaksanaan projek pengurusan dan penyelenggaraan rangkaian jalan raya yang selamat dan selesa mengikut piawaian yang telah ditetapkan dengan kos yang ekonomik selaras dengan Dasar Pengurusan Aset Kerajaan.

Aktiviti 2 : Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan

Fungsi : (a) Memastikan semua aset bangunan milikan Kerajaan yang diselia oleh JKR sentiasa berfungsi dengan sempurna, selamat dan selesa untuk mencapai objektif penyampaian perkhidmatan agensi berkaitan; (b) mengekalkan kefungsihan aset bangunan bagi memenuhi ciri-ciri fasiliti dan teknikal yang direka bentuk serta ekonomik untuk digunakan; dan (c) memastikan perkhidmatan pengurusan fasiliti bangunan dan yang berkaitan dengannya sentiasa efektif dalam memenuhi kehendak pelanggan.

Aktiviti 3 : Cawangan Kejuruteraan Cerun

Fungsi : Mewujudkan kaedah pencegahan yang terbaik dalam kejuruteraan cerun bagi memastikan cerun selamat selaras dengan Dasar Pengurusan Aset Kerajaan dengan: (a) merangka polisi yang proaktif dalam hal pengurusan dan keselamatan cerun; (b) mewujudkan sistem pengurusan dan keselamatan cerun; dan (c) menetapkan kriteria asas tahap *unacceptable risk* dan *broadly acceptable risk*.

Aktiviti 4 : JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya

Fungsi : Memastikan semua projek pembangunan Kerajaan, penyelenggaraan dan khidmat nasihat kepakaran teknikal di Wilayah Persekutuan Putrajaya dilaksanakan bagi memenuhi keperluan dan kepuasan pelanggan.

Aktiviti 5 : JKR Wilayah Persekutuan Labuan

Fungsi : Memastikan semua pembangunan projek Kerajaan, sistem penyelenggaraan dengan khidmat nasihat kepakaran teknikal di Wilayah Persekutuan Labuan dilaksanakan dengan berkesan dari segi kualiti, masa dan kos yang dipersetujui dengan pelanggan.

Aktiviti 6 : JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Fungsi : Memastikan semua pengurusan pelaksanaan projek Kerajaan, penyelenggaraan infrastruktur dan khidmat nasihat kepakaran teknikal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dilaksanakan dengan berkesan dari segi kualiti, masa dan kos yang dipersetujui dengan pelanggan.

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS BAGI TAHUN 2019 MENGIKUT OBJEK AM

<i>Kod (Objek Am)</i>	<i>Jenis Perbelanjaan</i>	<i>Anggaran Tahun 2018 RM</i>	<i>Anggaran Tahun 2019 RM</i>
10000	Emolumen	568,057,800	577,413,400
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	966,489,700	469,506,400
30000	Aset	2,050,000	175,000
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	448,400,000	489,000
50000	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1,341,500	1,291,000
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS		1,986,339,000	1,048,874,800

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2019 MENGIKUT OBJEK AM

<i>Kod (Objek Am)</i>	<i>Jenis Perbelanjaan</i>	<i>Anggaran Tahun 2018 RM</i>	<i>Anggaran Tahun 2019 RM</i>
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	113,733,500	95,640,000
30000	Aset	5,649,728,400	6,020,202,800
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN		5,763,461,900	6,115,842,800

RINGKASAN - 2019

Anggaran Perbelanjaan Mengurus		1,048,874,800
Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Cara Langsung)		5,096,842,800
(Pinjaman)		1,019,000,000
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN KEMENTERIAN KERJA RAYA		7,164,717,600

Pegawai Pengawal: KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KERJA RAYA

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2018	2019	2018	2019
			RM	RM		
010000	PENGURUSAN KEMENTERIAN KERJA RAYA	...	368,202,300	371,247,000		
		10000	259,047,300	267,867,000	5,156	5,156
		20000	107,723,000	102,909,000		
		30000	1,000,000	0		
		40000	300,000	389,000		
		50000	132,000	82,000		
010100	Sektor Pengurusan dan Pentadbiran KKR	...	57,358,900	55,398,400		
		10000	27,374,000	28,595,000	503	503
		20000	29,602,900	26,506,400		
		40000	300,000	265,000		
		50000	82,000	32,000		
010200	Sektor Dasar dan Pengurusan Korporat	...	253,781,000	260,777,000		
		10000	193,262,200	200,215,400	4,071	4,071
		20000	60,468,800	60,511,600		
		50000	50,000	50,000		
010300	Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE)	...	23,064,800	21,423,600		
		10000	10,789,500	10,966,600	153	153
		20000	11,275,300	10,333,000		
		30000	1,000,000	0		
		40000	0	124,000		
010400	Cawangan Perancangan Aset Bersepadu	...	33,997,600	33,648,000		
		10000	27,621,600	28,090,000	429	429
		20000	6,376,000	5,558,000		
020000	PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR JALAN DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN	...	66,362,300	61,728,900		
		10000	43,663,200	44,111,300	733	733
		20000	21,449,100	16,367,600		
		30000	50,000	50,000		
		50000	1,200,000	1,200,000		
020100	Sektor Dasar dan Pembangunan	...	35,227,300	29,837,600		
		10000	15,155,700	14,753,700	276	276
		20000	18,821,600	13,833,900		
		30000	50,000	50,000		
		50000	1,200,000	1,200,000		
020200	Cawangan Jalan	...	23,430,500	24,176,400		
		10000	21,810,600	22,610,000	340	340
		20000	1,619,900	1,566,400		
020300	Cawangan Kejuruteraan Geoteknik	...	7,704,500	7,714,900		
		10000	6,696,900	6,747,600	117	117
		20000	1,007,600	967,300		
030000	PEMBINAAN INFRASTRUKTUR BANGUNAN	...	211,873,900	210,940,700		
		10000	182,785,300	182,196,800	3,525	3,525
		20000	29,079,100	28,609,900		
		30000	0	125,000		
		50000	9,500	9,000		
030100	Cawangan Arkitek	...	17,255,200	17,241,500		
		10000	15,610,000	15,606,300	274	274
		20000	1,645,200	1,635,200		

Maksud Bekalan 27 - KEMENTERIAN KERJA RAYA

B.27

Pegawai Pengawal: **KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KERJA RAYA**

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2018	2019	2018	2019
			RM	RM		
030200	Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur	...	27,446,000	27,827,800	459	459
		10000	25,642,000	25,954,600		
		20000	1,804,000	1,873,200		
030300	Cawangan Kejuruteraan Elektrik	...	53,944,500	51,485,900	1,079	1,079
		10000	49,120,000	47,025,100		
		20000	4,815,000	4,451,800		
		50000	9,500	9,000		
030400	Cawangan Kejuruteraan Mekanikal	...	33,857,600	33,602,500	406	406
		10000	20,658,000	20,645,000		
		20000	13,199,600	12,832,500		
		30000	0	125,000		
030500	Cawangan Kerja Kesihatan	...	7,342,100	7,381,900	119	119
		10000	6,620,000	6,694,900		
		20000	722,100	687,000		
030600	Cawangan Kerja Keselamatan	...	7,432,000	7,125,500	116	116
		10000	6,656,000	6,371,900		
		20000	776,000	753,600		
030700	Cawangan Kerja Bangunan Am 1	...	7,212,700	7,286,000	115	115
		10000	6,530,000	6,670,000		
		20000	682,700	616,000		
030800	Cawangan Kerja Bangunan Am 2	...	6,534,600	7,698,400	114	114
		10000	6,084,600	7,117,700		
		20000	450,000	580,700		
030900	Cawangan Kerja Pendidikan	...	10,675,400	10,741,200	169	169
		10000	9,868,200	9,921,900		
		20000	807,200	819,300		
031000	Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan	...	12,116,800	11,913,700	212	212
		10000	10,393,600	10,166,500		
		20000	1,723,200	1,747,200		
031100	JKR Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)	...	6,913,000	6,971,600	139	139
		10000	6,026,000	6,074,600		
		20000	887,000	897,000		
031200	Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan	...	15,611,000	16,005,600	236	236
		10000	14,635,800	14,871,000		
		20000	975,200	1,134,600		
031300	Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga	...	5,533,000	5,659,100	87	87
		10000	4,941,100	5,077,300		
		20000	591,900	581,800		
040000	PENYENGGARAAN ASET TAK ALIH KERAJAAN	...	109,882,100	108,094,800	1,923	1,923
		10000	82,342,000	83,238,300		
		20000	26,540,100	24,856,500		
		30000	1,000,000	0		
040100	Cawangan Senggara Fasiliti Jalan	...	11,792,200	10,686,400	139	139
		10000	7,773,500	7,672,400		
		20000	4,018,700	3,014,000		

Pegawai Pengawal: **KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KERJA RAYA**

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2018	2019	2018	2019
			RM	RM		
040200	Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan	...	48,793,500	48,307,900	841	841
		10000	34,645,000	35,203,000		
		20000	13,148,500	13,104,900		
		30000	1,000,000	0		
040300	Cawangan Kejuruteraan Cerun	...	7,316,000	7,265,600	94	94
		10000	5,094,000	5,212,600		
		20000	2,222,000	2,053,000		
040400	JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya	...	9,164,900	9,080,900	106	106
		10000	6,621,000	6,855,100		
		20000	2,543,900	2,225,800		
040500	JKR Wilayah Persekutuan Labuan	...	9,331,400	8,767,500	156	156
		10000	7,158,500	6,690,200		
		20000	2,172,900	2,077,300		
040600	JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	...	23,484,100	23,986,500	587	587
		10000	21,050,000	21,605,000		
		20000	2,434,100	2,381,500		
050000	PROGRAM KHUSUS	...	1,230,018,400	296,863,400		
		10000	220,000	0		
		20000	781,698,400	296,763,400		
		40000	448,100,000	100,000		
050100	Banci Lalu Lintas Kebangsaan	...	2,500,000	2,500,000		
		10000	220,000	0		
		20000	2,280,000	2,500,000		
050200	Bayaran Balik Pinjaman LLM	...	100,000	100,000		
		40000	100,000	100,000		
050300	Bayaran Latihan Industri	...	800,000	800,000		
		20000	800,000	800,000		
050400	Bertugas ke Luar Negara	...	1,500,000	1,125,000		
		20000	1,500,000	1,125,000		
050500	Emolumen Kakitangan Kontrak	...	620,000	0		
		20000	620,000	0		
050600	Penyelenggaraan Bangunan Gunasama Kerajaan Persekutuan	...	178,000,000	95,000,000		
		20000	178,000,000	95,000,000		
050700	Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan	...	70,000,000	20,000,000		
		20000	70,000,000	20,000,000		
050800	Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia	...	330,000,000	80,000,000		
		20000	330,000,000	80,000,000		
050900	Pembaikan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia	...	100,000,000	10,000,000		
		20000	100,000,000	10,000,000		
051000	Pertandingan Kemahiran	...	2,498,400	1,338,400		
		20000	2,498,400	1,338,400		
051100	Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia (Bukan Pavemen)	...	30,000,000	30,000,000		
		20000	30,000,000	30,000,000		

Maksud Bekalan 27 - KEMENTERIAN KERJA RAYA

B.27

Pegawai Pengawal: **KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KERJA RAYA**

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2018	2019	2018	2019
			RM	RM		
051200	Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan (Bukan Pavemen)	... 20000	8,000,000 8,000,000	8,000,000 8,000,000		
051300	Penyelenggaraan dan Bil Lampu Jalan dan Lampu Isyarat Jalan Persekutuan	... 20000	30,000,000 30,000,000	30,000,000 30,000,000		
051400	Penyelenggaraan Cerun di Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan	... 20000	20,000,000 20,000,000	10,000,000 10,000,000		
051500	Penyelenggaraan Kuarters Milik JKR	... 20000	4,000,000 4,000,000	4,000,000 4,000,000		
051600	Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil Jambatan	... 20000	4,000,000 4,000,000	4,000,000 4,000,000		
051700	Pampasan Tol	... 40000	448,000,000 448,000,000	0 0		
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS			1,986,339,000	1,048,874,800	<u>11.337</u>	<u>11.337</u>

Pegawai Pengawal: **KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KERJA RAYA**

Butiran (Projek)	Tajuk	Jumlah Anggaran Harga Projek	Perbelanjaan Sebenar 2017	Anggaran Dipinda 2018	Anggaran Tahun 2019	
					Cara Langsung	Pinjaman
(1)	(2)	(3) RM	(4) RM	(5) RM	(6) RM	(7) RM
	Jalan Raya dan Jambatan					
	Semenanjung					
00700	Pembinaan Lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan	1,139,281,304	339,667,144	269,618,584	170,000,000	0
02800	Memperbaiki, Mengganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jambatan	359,300,000	2,583,553	47,724,767	80,000,000	0
19000	Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan	512,540,432	82,644,792	48,313,500	44,240,000	0
20000	Membina Persimpangan Bertingkat dan Jejambat	350,744,000	56,689,973	40,234,570	500,100	0
21000	Membina Persimpangan Bertingkat	1,048,689,702	91,391,679	154,833,233	84,450,000	0
31000	Pembinaan Jalan dan Jambatan	1,629,643,197	189,674,335	235,417,100	187,438,700	0
41000	Kajian Kemungkinan Jalan	6,000,000	371,684	2,800,000	700,000	0
51000	Pelbagai Pembinaan	639,930,000	107,692,042	102,550,000	80,600,000	0
60000	Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan	4,392,997,531	343,327,477	305,311,200	469,560,000	0
61000	Naik Taraf Jalan-jalan	11,079,772,636	593,706,797	693,586,266	804,100,200	0
71000	Memperelok dan Membaik Pulih Jalan	349,900,000	71,893,782	99,170,389	80,000,000	0
80000	Membina Jalan-jalan Baru	905,178,049	68,699,676	87,382,366	120,000,000	0
81000	Membina Jalan-jalan Baru	9,739,401,388	2,163,012,157	951,400,000	327,360,000	1,019,000,000

Pegawai Pengawal: **KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KERJA RAYA**

Butiran (Projek)	Tajuk	Jumlah Anggaran Harga Projek	Perbelanjaan Sebenar 2017	Anggaran Dipinda 2018	Anggaran Tahun 2019	
					Cara Langsung	Pinjaman
(1)	(2)	(3) RM	(4) RM	(5) RM	(6) RM	(7) RM
89000	Pengambilan Balik Tanah Untuk Projek-projek Jalan/Jambatan	51,771,000	215,462	26,138,458	8,203,200	0
90000	Lain-lain Pembinaan	186,861,100	53,707,664	2,948,656	1,891,000	0
	Jumlah Jalan Raya dan Jambatan Semenanjung	32,392,010,339	4,165,278,217	3,067,429,089	2,459,043,200	1,019,000,000
	Sabah					
05100	Jalan-jalan Besar di Sabah	380,000,000	137,457,586	60,000,000	50,000,000	0
08230	Pembinaan Jambatan	52,000,000	1,999,801	23,000,000	15,500,000	0
08250	Kajian Perlindungan/ Pembaikan Cerun-cerun	165,210,000	55,700,472	35,371,000	20,300,000	0
08260	Naik Taraf dan Memulihkan Jalan	1,223,433,153	76,837,161	82,200,000	142,111,800	0
08270	Memulihkan Jalan	30,754,094	29,750	6,000,000	6,100,000	0
08280	Pembinaan Jalan-jalan (I)	1,001,829,437	157,275,833	105,350,000	78,200,000	0
08600	Naik Taraf Jalan Raya	550,080,000	0	33,000,000	73,000,000	0
	Jumlah Jalan Raya dan Jambatan Sabah	3,403,306,684	429,300,603	344,921,000	385,211,800	0
	Sarawak					
09230	Jambatan-jambatan	1,231,969,000	19,131,569	48,675,000	40,487,500	0

Maksud Pembangunan 27 - KEMENTERIAN KERJA RAYA

P.27

Pegawai Pengawal: **KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KERJA RAYA**

Butiran (Projek)	Tajuk	Jumlah Anggaran Harga Projek	Perbelanjaan Sebenar 2017	Anggaran Dipinda 2018	Anggaran Tahun 2019	
					Cara Langsung	Pinjaman
(1)	(2)	(3) RM	(4) RM	(5) RM	(6) RM	(7) RM
09260	Naik Taraf Jalan-jalan (II)	1,087,260,114	303,712,825	190,000,000	126,000,000	0
09280	Membina Jalan-jalan	711,256,564	53,029,748	58,600,000	76,000,100	0
	Jumlah Jalan Raya dan Jambatan Sarawak	3,030,485,678	375,874,142	297,275,000	242,487,600	0
	Labuan					
19180	Pembinaan jalan	38,203,943	2,976,527	1,500,000	200	0
	Jumlah Jalan Raya dan Jambatan Labuan	38,203,943	2,976,527	1,500,000	200	0
	Jumlah Jalan Raya dan Jambatan	38,864,006,644	4,973,429,489	3,711,125,089	3,086,742,800	1,019,000,000
18640	Projek ICT Jabatan Kerja Raya	111,385,755	0	11,476,972	10,100,000	0
82000	Lebuhraya Pan Borneo	10,000,000,000	1,537,998,251	1,922,195,854	2,000,000,000	0
	JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	48,975,392,399	6,511,427,740	5,644,797,915	5,096,842,800	1,019,000,000